# MENGKAJI TAHAP PENGETAHUAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANTI DALAM MENGURUSKAN KEWANGAN

10DAT13F1059	NUR FAEZA BINTI MOHAMAD BASHIR
10DAT13F1062	SITI NOR HASLINA BINTI ZAMANI
10DAT13F1071	SITI AISYAH BINTI ABD GHONI
10DAT13F1074	MUHAMMAD MURSYID BIN ABD MALEK
10DAT13F1125	NAJIHAH AINA BINTI MD SAID
10DAT13F1143	NUR FAZDIRAH BINTI ABDUL MANAP
10DAT13F1149	MYDDILY BANU PRIYA A/P M.P.
	VIJASEGARAN

# LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA AKAUNTANSI

# **DIPLOMA AKAUNTANSI**

# JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK SEBERANG PERAI

2015

#### PENGHARGAAN

kesyukuran kepada Yang Maha Pencipta yang memberikan nikmat Islam epada kita semua. Begitu juga dengan rezeki yang dikurniakan dan i yang baik bagi meneruskan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi

V

ndulillah syukur kita terhadap Allah s.w.t kerana kami sekumpulan telah na menyelesaikan penyelidikan ini dalam tempoh yang ditetapkan. Di ini juga kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan bersyukur i dengan limpah kurnianya kami dapat menyiapkan kajian mengenai rusan kewangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti dalam n kewangan. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Puan ti Taib kerana sudi menyelia kami dan memberi peluang serta tunjuk ajar dalam menjalani penyelidikan ini. Beliau banyak membantu kami dalam cadangan danpendapat yang bernas dalam menyelesaikan penyelidikan erima kasih juga diatas kerjasama yang diberikan oleh Puan Isratun Binti sudi memberikan tunjuk ajar yang amat memberangsangkan sepanjang ani penyelidikan ini. Segala tunjuk ajar yang diberikan amat dihargai dan an sebagai satu pengalaman serta panduan untukdigunakan pada masa

, kami mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak diatas sumbangan yang diberikan, iaitu Pihak Politeknik Seberang Perai yang turut membantu, memberi tunjuk ajar, nasihat, sokongan dan ng diberikan. Tanpa tunjuk ajar daripada mereka kami mungkin tidak apkan laporan ini dengan sebaiknya .Sekian, wassalam.

## ABSTRAK

Tajuk kajian ini dijalankan adalah untuk "Tahap Pengetahuan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti Dalam Menguruskan Kewangan". Justeru itu. pengkaji akan mengkaji tentang objektif kajian iaitu faktor pendapatan, faktor perbelanjaan dan faktor simpanan yang akan mempengaruhi tahap pengetahuan kewangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti. Kajian ini juga untuk mendapatkan maklumat maklumbalas daripada responden mengenai tahap pengurusan kewangan terhadap objektif kajian. Responden kajian adalah terdiri daripada 100 orang responden yang merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti dan responden ini dipilih menggunakan persampelan convienence. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik di mana borang soal selidik ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Hasil dapatan kajian diproses menggunakan sistem SPSS (Statistical Package for Social Science). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga faktor iaitu faktor pendapatan, faktor perbelanjaan dan faktor simpanan mempengaruhi tahap pengetahuan pengurusan kewangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti. Cadangan telah dikemukan kepada beberapa pihak yang berkepentingan dalam kajian ini iaitu pihak sekolah. ibu bapa dan pihak pengkaji dapan. pada masa

# KANDUNGAN

	Halaman
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	X
SENARAI CARTA	xi

BAB	1	PENGENALAN	
1.1		Latar belakang masalah	1
1.2		Penyataan masalah	3
1.3		Objektif kajian	4
1.4		Persoalan kajian	5
1.5		Skop kajian	5
1.6		Kepentingan kajian	5
	1.6.1	Kepentingan kepada pelajar	
		Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti	6
	1.6.2	Kepentingan kepada pengkaji masa depan	6
1.7		Definisi operasi	7
	1.7.1	Pendapatan	7
	1.7.2	Perbelanjaan	8
	1.7.3	Simpanan	8
	1.7.4	Pengurusan Kewangan	9
1.8		Limitasi Penyelidikan	9

BAB II	SOROTAN KAJIAN	
2.1	Pendahuluan	11
2.2	Faktor perbelanjaan	12
2.3	Faktor pendapatan	14
2.4	Faktor simpanan	16
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	19
3.2	Reka bentuk kajian	19
3.3	Kaedah pengumpulan data	20
3.4	Populasi dan sampel	20
	3.4.1 Populasi	
	3.4.2 Sampel	
3.5	Instrumen kajian	21
	3.5.1 Borang soalselidik	22
3.6	Kaedah penganalisaan data	24
	3.6.1 Analisis kajian rintis (SPSS)	24
	3.6.2 Analisis kekerapan	25
	3.6.3 Analisis mean	25
3.7	Kesimpulan	26
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	27
4.2	Analisis kebolehpercayaan data	27
	4.2.1 Kajian rintis	
	4.2.2 Ujian Kebolehpercayaan	
4.3	Dapatan kajian	29
	4.3.1 Bahagian A	29
	4.3.1.1 Taburan responden mengikut jantina	29
	4.3.1.2Taburan responden mengikut tngktn	30

VIII

4.3.1.3 Taburan responden mengikut bangsa	
4.3.1.4 Taburan responden mengikut agama	32
4.3.1.5 Taburan responden mengikut wangsaku	33
4.3.2 Bahagian B	34

# BAB V PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan		42
5.2	Perbincangan		43
	5.2.1	Faktor pendapatan	44
	5.2.2	Faktor perbelanjaan	43
	5.2.3	Faktor simpanan	45
5.3	Implik	asi kajian	47
5.4	Cadan	gan kajian	48
	5.4.1	Ibu bapa	48
	5.4.2	Pihak Sekolah	49
	5.4.3	Pengkaji masa hadapan	49
5.5	Kesim	pulan	50

IX

# SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
4.1	Jadual analisis kebolehpercayaan data	28
4.2	Jadua respon mengikut jantina	29
4.3	Jadual responden mengikut tingkatan	30
4.4	Jadual responden mengikut bangsa	31
4.5	Jadual responden mengikut agama	32
4.6	Jadual responden mengikut wangsaku yang dibawa	
	Ke sekolah pada setiap hari (RM)	33
4.7	Jadual skala min skor	35
4.8	Analisis soalan berkaitan tahap pengetahuan	
	Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti	
	Dalam menguruskan kewangan	
	(Faktor Pendapatan)	36
4.9	Analisis soalan berkaitan tahap pengetahuan	
	Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti	
	Dalam menguruskan kewangan	
	(Faktor Perbelanjaan)	38
4.10	Analisis soalan berkaitan tahap pengetahuan	
	Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti	
	Dalam menguruskan kewangan	
	(Faktor Simpanan)	39

Х

# SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
4.1	Jadual analisis kebolehpercayaan data	29
4.2	Jadua respon mengikut jantina	30
4.3	Jadual responden mengikut tingkatan	31
4.4	Jadual responden mengikut bangsa	32
4.5	Jadual responden mengikut agama	33
4.6	Jadual responden mengikut wangsaku yang dibawa	
	Ke sekolah pada setiap hari (RM)	34

## BAB I


## PENGENALAN

### **1.1 LATARBELAKANG MASALAH**

Takrif pengurusan di dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua tentang pengurusan adalah perbuatan atau hal mengurus sesuatu begitu juga takrif pengurusan Kamus Pelajar Edisi Keempat telah menyatakan dengan lebih terperinci takrif pengurusan itu ialah perihal mengelolakan, pengarahan, pengawalan, pengurusan dan penyelenggaraan. Takrif kewangan pula di dalam Kamus Pelajar Edisi Kedua mengatakan kewangan adalah hal-hal yang berkaitan dengan wang.

Pengurusan kewangan merupakan satu proses yang melibatkan pentadbiran sesebuah organisasi atau individu di mana pengurusan itu adalah kaedah di mana dana kewangan yang didapati atau diperolehi dari perlbagai jenis hasil digunakan untuk perbelanjaan awam, dibelanjakan, dan diperakaunkan. Pengurusan kewangan ini juga terdiri daripada perancangan, perlaksanaan, penyelarasan, kawalan dan penilaian. Jika seseorang itu dapat membuat pengurusan kewangan dengan efektif, mereka akan dapat mengambarkan dengan jelas tentang kedudukan kewangan terkininya, memberi hala tuju yang tepat mengenai matlamat kewangan yang ingin dicapai serta membolehkan seseorang itu mencapai matlamat yang diharapkan.

Menurut kajian tentang isu pengurusan kewangan ini, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah menunjukkan statistik berkenaan kes yang banyak dilaporkan kepada AKPK antaranya yang paling tinggi peratusnya adalah perbelanjaan perubatan tinggi dan perancangan atau pengurusan kewangan kurang cekap iaitu sebanyak 24%. Rujuk rajah 1.1 tentang jenis kes yang dilaporkan kepada AKPK. Hal ini disebabkan pengurusan dan perancangan kewangan tidak diberikan penekanan yang serius.



Rajah 1.1 Jenis kes dilaporkan kepada AKPK

Menurut Syed Shaniff bin Said Ali Batu Shah (2010), konsep pengurusan kewangan peribadi itu sendiri sebenarnya amat ringkas, perbelanjaan tidak sepatutnya melebihi dari pendapatan dan simpanan perlu ditetapkan sebelum membuat sesuatu perbelanjaan. Namun sejauh mana konsep ringkas ini dapat diikuti, itulah yang menjadi persoalan sehingga kini. Tidak dinafikan wang merupakan medium yang sangat penting dalam kehidupan seharian kita. Namun kita sebagai manusia sering kali melakukan kesilapan dalam menguruskan wang sehinggakan ia bukan sahaja

2

menghantui golongan berpendapatan rendah, malahan yang berpendapatan agak lumayan juga tidak dapat lari dari masalah pengurusan kewangan.

## **1.2 PERNYATAAN MASALAH**

Pengurusan kewangan merupakan strategi yang amat penting dalam proses menguruskan wang secara lazimnya. Amalan merancang kewangan menjadi wajar dititikberatkan pada zaman serba moden kini. Masalah yang berlaku sekarang ialah apabila peningkatan harga barang yang mengakibatkan kos hidup terus meningkat, apatah lagi dengan kadar pendapatan ibu bapa pelajar yang tidak stabil dan rendah. Bagi pelajar daripada golongan yang berada, bagi mereka dengan peningkatan harga barang, mereka tidak merasakan kenaikan harga barang berkenaan, tetapi bagi pelajar daripada golongan keluarga yang berpendapatan rendah, kenaikan harga barang perlu dititikberatkan. Menurut Pengarah Bistari Management (2009), memandangkan menabung merupakan perkara yang penting dari aspek pengurusan kewangan, maka beliau menggalakkan para remaja memupuk semangat menabung sejak daripada bangku sekolah lagi. Oleh hal yang demikian Bistari Management telah menganjurkan pembukaan akaun baru untuk menggalakkan pelajar menabung. Hal ini dapat meningkatkan lagi keinginan para pelajar dalam meningkatkan kesedaran untuk menyimpan wang.

Menurut daripada sumber Utusan Melayu (2008), remaja zaman sekarang banyak berbelanjakan wang mereka dengan membeli gajet-gajet mahal, membeli kad tambah nilai kredit dan membeli permainan video yang bersifat sampingan atau hiburan. Memandangkan kos hidup yang kian meningkat, remaja perlu memahami beban yang ditanggung oleh ibu bapa dan merancang kewangan dengan lebih teliti. Remaja juga perlu berperanan dalam merancang perbelanjaan secara berhemah. Hal ini dapat memupuk para remaja dalam menguruskan wang yang diperolehi dengan baik dan bijaksana. Pelbagai kaedah dapat dilaksanakan oleh para pelajar untuk menambahkan lagi wang saku atau pendapatan. Pelajar zaman sekarang banyak berbelanja dan mengharapkan wang saku daripada ibu bapa. Pada masa yang sama, mereka banyak berbelanja dan kurang membuat simpanan. Maka mereka harus mencari sumber atau faktor lain untuk menambahkan cara pendapatan wang selain daripada mengharapkan wang saku daripada ibu bapa. Pelbagai cara yang mampu dilakukan untuk mencari sumber pendapatan, antaranya ialah berniaga. Mengikut daripada sumber Berita Utara (2009), pelajar kini berniaga sendiri untuk menambahkan sumber kewangan. Ketika tibanya musim Ramadan, di mana semua kaum berbangsa Islam menunaikan puasa pada bulan Ramadan, maka ketika itu Bazaar Ramadan akan mula beroperasi pada waktu petang. Maka ketika itu para pelajar dapat menambahkan wang pendapatan mereka dalam melakukan aktiviti perniagaan pada waktu tersebut. Selain itu, pelajar juga lebih terdedah kepada melayari internet laman sesawang, maka pelajar juga boleh melakukan aktiviti 'Business Online' menerusi internat, dan hal ini juga tidak menganggu waktu persekolahan mereka.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

- 1.3.1 Mengenal pasti pengetahuan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti mengenai faktor perbelanjaan dalam menguruskan kewangan peribadi.
- 1.3.2 Mengenal pasti pengetahuan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti mengenai faktor pendapatan dalam menguruskan kewangan peribadi.
- 1.3.3 Mengenal pasti pengetahuan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti mengenai faktor simpanan dalam menguruskan kewangan peribadi.

4

## **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

- 1.4.1 Bagaimana pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti menguruskan kewangan mereka dari segi perbelanjaan.
- 1.4.2 Bagaimana pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti menguruskan kewangan mereka dari segi simpanan.
- 1.4.3 Bagaimana pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti menguruskan kewangan mereka dari segi pendapatan.

## **1.5 SKOP KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sekitar kawasan Penanti, Seberang Perai Tengah sahaja. Ia melibatkan 100 orang responden dalam kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti. Kajian ini tertumpu pada pengetahuan pelajar mengenai cara pelajar menguruskan kewangan mereka dari aspek perbelanjaan, pendapatan dan simpanan. Kajian ini memfokuskan kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut dan tahap pengetahuan mereka dalam menguruskan kewangan.

## **1.6 KEPENTINGAN KAJIAN**

Pada masa kini, ekonomi negara pada tahap yang membimbangkan ekoran daripada kejatuhan nilai mata wang negara serta cukai GST (Goods and Services Tax) yang dikenakan. Hal ini amat mempengaruhi segala perbelanjaan yang dibuat oleh

masyarakat untuk menguruskan kewangan agar tidak terbeban dengan ekonomi pada waktu ini. Pengurusan kewangan ini amat penting kepada pelbagai pihak. Pihak yang mempunyai kepentingan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

### 1.6.1 PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PENANTI

Peningkatan perbelanjaan seharian pada waktu ini kelihatan semakin membebankan terutamanya dikalangan pelajar sekolah menengah. Hal ini kerana, seperti yang sedia maklum, para pelajar ini tidak bekerja sepenuh masa, namun duit perbelanjaan yang diterima daripada ibu bapa serta wang yang diterima kerana bekerja separuh masa adalah merupakan pendapatan kepada para pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membuka minda pelajar tentang kepentingan pengetahuan mengenai apa itu pendapatan bagi seorang pelajar, kemana perdapatan itu dihabiskan sama ada untuk keperluan, kemahuan ataupun simpanan.

## 1.6.2 PENGKAJI MASA HADAPAN

Kajian yang dibuat boleh diguna pakai oleh pengkaji masa hadapan dalam menambahkan maklumat untuk kajian mereka. Laporan ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan bagi menyiapkan kajian mereka kelak. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan kepada pengkaji masa hadapan bagi mengetahui tentang pengetahuan orang ramai mengenai pendapatan, perbelanjaan serta simpanan.

#### **1.6 DEFINISI OPERASI**

## **1.7.1 DEFINISI PENDAPATAN**

Menurut Zaki Baridwan (1997), definisi pendapatan merupakan aliran kos masuk atau lain aktiviti suatu badan perusahaan atau pelunasan hutang selama suatu tempoh yang berasal dari pembelian atau penghasilan barang. Definisi pendapatan yang dijelaskan di atas hampir seluruhnya mempunyai maksud yang sama, hal ini selaras dengan istilah pendapatan yang dipakai IAI dalam buku standard Akauntansi Kewangan (2002), sebagai berikut pendapatan adalah aliran masuk dari manfaat ekonomi yang wujud dari aktiviti perusahaan selama satu tempoh bila aliran masuk itu mengakibatkan kenaikan ekuiti.

7

Kebanyakan umur 65 tahun dan dibawah menerima sebahagian besar pendapatan mereka dari gaji atau upah yang diperolehi daripada perkerjaan. Pelaburan, pencen dan keselamatan sosial adalah sumber utama pendapatan bagi pesara. Dalam peniagaan, pendapatan boleh merujuk kepada baki pendapatan syarikat selepas semua perbelanjaan dan cukai telah dibayar. Dalam kes ini, ia juga dikenali sebagai 'pendapatan' dan sebahagian besar bentuk pendapatan adalah tertakluk kepada cukai.

Dalam konteks kajian ini hasil pendapatan dari persektif pelajar lebih kepada wang belanja dari ibu bapa dan membuat kerja sambilan. Kesan yang dapat disimpulkan apabila kearah mana wang yang diterima oleh pelajar digunakan untuk kegunaan harian atau bulanan.

### 1.6.2 DEFINISI PERBELANJAAN

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, perbelanjaan adalah cara atau kaedah mengeluarkan wang untuk hal perbelanjaan. Perbelanjaan ialah segala bentuk pengeluaran tunai ataupun kredit untuk kegunaan keperluan mahupun kehendak. Perbelanjaan lazimnya suatu pembelian yang digunakan untuk keperluan dan kehendak diri sendiri ataupun keluarga.

Dalam konteks kajian ini, simpanan bagi pelajar lebih kearah untuk bertujuan pada masa hadapan iaitu untuk menyambung pelajaran atau sebagainya. Hal ini demikian, jika simpanan yang mencukupi dapat juga membantu sedikit sebanyak dalam pelajaran, simpanan ini dapat membantu ketika dalam keadaan yang terdesak dan\_memerlukan perbelanjaan untuk membeli keperluan pelajaran

### 1.6.3 DEFINISI SIMPANAN

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, simpanan merupakan sesuatu yang disimpan seperti wang, barang, makan dan lain-lain. Selain itu, simpanan adalah sesuatu yang disimpan dan digunakan apabila diperlukan. Simpanan juga bermaksud ialah suatu sumber wang yang disimpan dan diasingkan dari hasil gaji upah dan sebagainya. Simpanan lebih kearah untuk kegunaan pada masa hadapan ataupun ketika dilanda musibah yang tidak dijangka.

Konsep simpanan bagi pelajar lebih kearah untuk bertujuan pada masa hadapan iaitu untuk menyambung pelajaran atau sebagainya.Hal ini demikian jika simpanan yang mencukupi dapat juga membantu sedikit sebanyak dalam pelajaran ,simpanan ini dapat membantu ketika dalam keadaan yang terdesak dan memerlukan perbelanjaan untuk membeli keperluan pelajaran.

### 1.6.4 PENGURUSAN KEWANGAN

Pengurusan kewangan ialah cara bagaimana kita menguruskan penggunaan wang yang lebih sistematik.Kebiasaanya jika seseorang ingin menguruskan wang dengan betul perlulah merujuk kepada agen-agen yang terdapat di Malaysia seperti Agensi kaunseling dan kewangan (AKPK).

Konsep pengurusan wang bagi pelajar ialah perlulah memiliki buku diari perbelanjaan kerana buku itu dapat membantu pelajar meniliti setiap perbelanjaan di samping membuat pengurusan bagaimana mengurangkan kadar belanja yang sebelum ini.

## 1.7 LIMITASI PENYELIDIKAN

Kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji persepsi mengenai tahap pengetahuan pelajar sekolah menengah di sekitar Penanti, Seberang Perai Tengah, mengenai pengurusan kewangan. Para pengkaji hanya akan menyelidik melalui borang soal selidik dengan mengedar borang soal selidik tersebut kepada para pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti.

Dapatan hasil kajian ini akan bergantung kepada keupayaan para pelajar dari segi persepsi, pemahaman dan pengetahuan mereka terhadap perkara yang dikaji dan ketepatan hasil kajian juga akan bergantung kepada kejujuran dan sikap kerjasama daripada para pelajar dalam menjawab soalan-soalan yang dikemukakan semasa pengedaran borang soal selidik. Had yang diperlukan oleh para pengkaji adalah seramai 100 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti. Para pengkaji hanya akan menjalankan penyelidikan atau kajian tersebut dalam kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.

### BAB II

## SOROTAN KAJIAN

## **2.1 PENDAHULUAN**

Sorotan kajian merupakan kajian yang akan dilaksanakan bagi melihat dan meringkaskan kajian yang berkaitan dengan topik kajian. Bab ini dimulakan dengan bahagian 2.2 yang membincangkan sorotan kajian yang berkait dengan faktor pertama iaitu faktor perbelanjaan. Seterusnya diikuti faktor pendapatan di bahagian 2.3. Akhir sekali bahagian 2.4 membincangkan tentang sorotan kajian bagi faktor simpanan

Menurut keratan akhbar Harian Metro bertarikh 03 Januari 2016, seramai 121,495 individu iaitu 39 peratus daripada 309,663 yang mendapatkan perkhidmatan kaunseling daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan kredit (AKPK) berdepan masalah kewangan serius dengan ada diantara mereka mempunyai hutang mencecah jutaan ringgit. Ketua Jabatan Komunikasi Korporat AKPK Mohamad Khalil Jamaldin berkata, statistik itu begitu membimbangkan kerana masalah hutang antara bebanan yang ditanggung rakyat malah menunjukkan peningkatan ketara setiap tahun. "Hasil kajian AKPK mendapati kelemahan pengurusan kewangan antara sebab utama orang ramai berdepan masalah malah ada antara mereka sukar menerima hakikat apabila dibebani dengan banyak hutang," katanya lagi.

Menurut Koid Swee Lian, Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (2013), Perancangan kewangan yang lemah dan tabiat berbelanja yang tidak mengikut kemampuan diri merupakan faktor utama penyebab masalah hutang serta ketidakupayaan membayar balik pinjaman.

Golongan muda perlu merancang perbelanjaan secara berhemah serta berbelanja mengikut kemampuan terutama melibatkan penggunaan kad kredit dan pinjaman kereta kerana boleh mengheret mereka kepada risiko bebanan hutang tinggi termasuk menjadi muflis. Ketua Komunikasi Korporat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Mohamad Khalil Jamaldin berkata, rata-rata golongan muda hari ini berbelanja mengikut nafsu tanpa memikirkan kesan sekiranya mereka boros berbelanja. Sedangkan, menurut beliau, setiap perbelanjaan perlu ditentukan mengikut kemampuan individu bagi mengelak dibebani hutang. Kita perlu tahu bagaimana cara yang betul untuk menguruskan kewangan di samping mempunyai simpanan sendiri," katanya lagi ketika di hubungi di sini hari ini.

## 2.2 FAKTOR PERBELANJAAN

Perbelanjaan pada masa kini tinggi disebabkan harga barangan yang semakin meningkat naik. Malahan, ramai dikalangan masyarakat mempunyai perbelanjaan yang melebihi daripada pendapatan yang mereka perolehi setiap bulan. Remaja juga tidak terkecuali berbelanja yang melebihi daripada pendapatan mereka. Remaja masa kini, tergolong di dalam kalangan masyarakat yang boros berbelanja oleh kerana kurangnya kawalan daripada ibu bapa dan keluarga serta pendedahan betapa pentingnya untuk menjadi generasi masyarakat yang pintar bebelanja.

Dalam artikel bertajuk " Remaja dan tabiat berbelanja", menurut Nurul Izzah Sidek (2008), ada menyebut bahawa " Kini timbul kecenderungan di kalangan remaja untuk membeli telefon bimbit, mengubah suai kenderaan, beli pakaian permainan video yang bersifat sampingan atau hiburan". Selain itu, remaja akan membelanjakan wang yang mereka dapati sama ada daripada ibu bapa, pinjaman atau biasiswa dari organisasi tertentu ataupun hasil daripada mereka berkerja sambilan. Remaja sering menghabiskan wang tersebut dengan membeli rokok, barang-barang terlarang, berbelanja di pusat hiburan dan sebagainya. Hal ini telah menyebabkan pola perbelanjaan remaja adalah lebih kepada menghabiskan wang terhadap perlara yang sia-sia akibat gaya hidup yang suka berhibur.

Menurut Km Mai (1996), satu pendekatan dilakukan bagi menghalang masyarakat negara ini terutamanya remaja daripada boros semasa berbelanja, kata mantan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib. Usaha itu perlu dilaksanakan dengan segera memandangkan beberapa kajian yang telah dijalankan oleh agensi kerajaan mendapati wujudnya kecenderungan berbelanja lebih di kalangan rakyat terutamanya remaja di negara ini. Budaya negatif ini dikesan berikutan peningkatan tahap pendapatan serta keadaan ekonomi yang baik tetapi ia boleh menyebabkan inflasi.

Menurut Utusan Malaysia (1997), polis menahan dua remaja berusia 16 dan 17 tahun yang tidak hingga mempunyai pekerjaan tetap setelah didapati berbelanja mewah hingga menimbulkan keraguan di kalangan penduduk di kawasan tempat tinggal mereka. Dalam serbuan itu katanya, polis telah merampas sebuah motosikal Honda berharga RM 900 yang dicuri oleh kedua-dua remaja itu pada 28 September lalu di depan sebuah pusat karaoke di Langkap. Perkara ini menunjukkan bahawa remaja ini terdesak untuk mencari wang walaupun secara haram asalkan mereka mempunyai wang untuk berbelanja.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), berbelanja merupakan wang untuk membeli (membayar) sesuatu atau wang untuk keperluan sehari-hari ( untuk membeli bahan makanan dan lain-lain), manakala perbelanjaan pula ialah perihal berbelanja. Kesimpulannya, para pengkaji berpendapat faktor perbelanjaan mempengaruhi para pelajar sekolah menengah dalam menguruskan kewangan kerana pelajar pada masa kini lebih cenderung untuk berbelanja sama ada secara bijak mahupun secara boros.

## 2.3 FAKTOR PENDAPATAN

Menurut daripada Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002), pendapatan didefinisikan sebagai jumlah wang yang diperoleh dalam jangka waktu tertentu iaitu merupakan hasil daripada mata pencarian atas kerja yang dilakukan dan dikategori sebagai hasil yang terdiri daripada gaji yang diperolehi. Pelbagai cara yang mampu dilakukan untuk mendapat sumber wang, iaitu daripada kerja yang dilakukan, wang atau ganjaran yang diberi oleh keluarga mahupun masyarakat luar dan sebagainya

Menurut daripada sumber Utusan Malaysia (2001), seorang pelajar terpaksa bekerja sebagai seorang peniaga pada bulan Ramadan bagi menampung perbelanjaannya untuk menyambut musim perayaan nanti. Hal ini juga dapat menambahkan pengalaman kepada seorang pelajar ketika berniaga. Pelajar tersebut mengakui bahawa hanya pendapatan bulanan yang diterima setiap hari daripada ibu bapa, tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan dan kehendak mereka. Hal ini demikian kerana kenaikan harga barang yang tidak menentu mengakibatkan kewangan mereka sedikit terjejas. Kebimbangan bagi seorang pelajar ini menggalakan mereka untuk menceburi dalam bidang perniagaan. Dalam berbekalkan modal yang tidak tinggi, pelajar tersebut mampu untuk berniaga untuk mendapatkan keuntungan dan hasil. Walaupun tidak begitu tinggi hasil yang diperoleh, tetapi apabila mula mengumpul hasil titik peluh wang yang dicari, mampu untuk pelajar tersebut untuk menampung berbelanjaan untuk diri sendiri.